

## **UMS bakal tawar program pengajian baharu**

**UB 13.12.2023 P.06**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menawarkan tiga program pengajian baharu, iaitu Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian (Perladangan Persis Pintar), Sarjana Muda Sains Makmal Perubatan dan Asasi Sains Pertanian.

Ia sebagai usaha memantapkan lagi program bersifat akademik.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata ia juga bagi menyahut saranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memantapkan program akademik di universiti awam.

Katanya, UMS telah pun mengorak langkah untuk sentiasa memastikan program ditawarkan memenuhi keperluan industri sama ada dalam sektor awam atau swasta.

“Dalam sektor keselamatan makanan, UMS telah mendapat kelulusan untuk menawarkan program baharu iaitu Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian (Perladangan Persis Pintar).

“Ia merupakan suatu program bagi memastikan teknologi terkini diaplikasi bagi menjamin kelestarian pertanian untuk bekalan makanan negara dapat dijamin.

“Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) juga mengorak langkah ke hadapan di mana program baharu Sarjana Muda Sains Makmal Perubatan turut mendapat kelulusan.

“UMS turut diberi kebenaran untuk menawarkan program Asasi Sains Pertanian bermula sesi akademik 2024/2025 bagi memastikan pengambilan pelajar ke program-program pertanian dapat dipertingkatkan,” katanya semasa berucap di Majlis Konvokesyen UMS ke-25 di Dewan Canselor kelmarin.

Tambah beliau, program yang ditawarkan itu adalah unik dan satu-satunya ditawarkan di negara ini.